

D965

B B051 AAB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 15 JAN (BERNAMA) -- KERTAS PUTIH MENGENAI PENANGKAPAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) BARU-BARU INI AKAN DIKELUARKAN SEBAGAI KERTAS PENERANGAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SESIAPA SAHAJA BOLEH MEMBERI PANDANGAN MEREKA TERHADAP KERTAS TERSEBUT APABILA IA DIKELUARKAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PAMERAN PERDAGANGAN INDIA DI PUSAT PERDAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI, KETIKA DITANYA SAMA ADA KERTAS TERSEBUT AKAN DIBENTANGKAN MELALUI USUL KERAJAAN DI PARLIMEN.

KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR BERKATA SEMALAM LAPORAN MENGENAI KERTAS PUTIH ITU DIJANGKA DISIAPKAN AKHIR BULAN INI.

DALAM SIRI PENANGKAPAN DI BAWAH AKTA ITU SEJAK OKTOBER LALU, SERAMAI 106 ORANG DITAHAN UNTUK SIASATAN POLIS DAN DARIPADA JUMLAH ITU 33 ORANG TERUS DITAHAN UNTUK TEMPOH DUA TAHUN MANAKALA LAPAN LAGI MASIH DALAM SIASATAN. -- LAGI.

2005MST 15 01 88

0000

B B080 AAB
ULANGAN - MEMBETULKAN PARA PERTAMA R R R R R R

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

ANTARA YANG DILANJUTKAN PENAHANAN DI BAWAH AKTA ITU IALAH SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG DAN TIMBALAN Pengerusi DAP ENCIK KARPAL SINGH.

KETIKA DITANYA MENGENAI USAHA SOVIET UNION UNTUK MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK DENGAN REPUBLIK RAKYAT CHINA BAGI MEMPERBAIKI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, BELIAU BERKATA, MALAYSIA MENYOKONG SEMUA USAHA KE ARAH MENCAPAI KEAMANAN DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MELAWAT BERBAGAI-BAGAI GERAI BARANGAN KELUARAN NEGARA INDIA SELAMA LEBIH SATU JAM DI PAMERAN TERSEBUT.

YANG TURUT MENGIRINGI BELIAU IALAH MENTERI KEWANGAN DAN PERDAGANGAN INDIA NARAYAN DUTT TIWARI DAN PESURUHJAYA TINGGI INDIA DI SINI ENCIK PREET MOHAN SINGH MALIK. -- BERNAMA.

2013MST 15 01 88